

16 FEB 1999

Ling-Khabar angin

JANGAN SEBAR KHABAR ANGIN MENGENAI PELETAKAN JAWATAN, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini menggesa anggota parti dan media supaya tidak menyebarkan khabar angin mengenai peletakan jawatan timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek.

"Jangan jadi seorang daripada penyebar khabar angin itu," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Tahun Baru Cina MCA di Wisma MCA di sini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas spekulasi kononnya Lim berhasrat untuk meletakkan jawatan.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata para pemimpin MCA bekerja sebagai satu pasukan untuk kepentingan parti.

Ditanya mengenai peluang Barisan Nasional dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Ling berkata berdasarkan suasana sekarang, rakyat dilihat akan menyokong BM kerana rekodnya yang baik.

Dr Ling berkata kejayaan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membangunkan negara ini merupakan satu faktor rakyat memilih menyokong kerajaan.

Beliau juga yakin bahawa negara akan dapat melepasi krisis ekonomi yang dihadapi kini berikutan langkah-langkah yang diambil kerajaan.

"Saya percaya tahun ini merupakan tahun yang baik dan kita akan dapat mengatasi masalah ekonomi yang melanda," katanya sambil menggesa rakyat supaya terus memberikan sokongan kepada kerajaan.

-- BERNAMA

ARA RON